



## CARA MEMBERSIH GIGI BAYI ANDA

Guna tuala yang bersih dan lembut  
untuk membersihkan gigi bayi  
semasa mandi  
dan setiap kali selepas makan.




Hargailah Gigi Anak Anda.

KESIHATAN GIGINYA DITANGAN ANDA.


UNIT PENGGALAKAN KESIHATAN PERGIGIAN  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MOH/ K/ GIG/ 1.98(PT)



# AWAS !

## Masalah Pergigian Boleh Bermula



Ramai ibu-ibu tidak menyedari bahawa membiarkan bayi tidur sambil menghisap susu dari botol hingga terlena, boleh mengakibatkan masalah KARIES GIGI (Kerosakan).




Makanan cecair seperti susu bijirin yang diberi dengan botol susu, sekiranya dibiarkan bertakung di dalam mulut hingga bayi terlena boleh juga menimbulkan masalah karies gigi akibat serangan asid.



Jika bayi perlu juga menghisap susu dari botol sebelum tidur, jangan ditambah gula ke dalamnya. Jangan biarkan bayi tidur dengan botol susu di mulut.

Gula adalah punca karies. Ia tidak sepatutnya dicampurkan ke dalam sebarang penyediaan susu atau makanan bayi. Tabiat menghisap puting tidak sepatutnya diamalkan apalagi jika ia disalutkan dengan manisan. Berilah bayi air masak kosong di antara waktu menyusu.



Ubat sirap untuk kanak-kanak banyak mengandungi gula. Oleh itu gigi bayi mesti dibersihkan segera selepas diberi ubat.

Susu pekat manis yang diberi kepada bayi bukan sahaja tidak berkhasiat malah memudaratkan. Kandungan gula yang tinggi boleh menyebabkan kegemukan dan karies gigi.



**BAYI YANG SIHAT AKAN MENJADI  
KANAK-KANAK  
CERDAS DAN CERGAS.**

